

Bab 4

SISTEM BUNYI BAHASA MALAYSIA STANDARD (BMS) DAN BAHASA PORTUGIS STANDARD (BPS)

4.1. Sistem Bunyi BMS

4.1.0. Pengenalan

Bunyi-bunyi yang dibincangkan dalam kajian ini meliputi bunyi vokal, konsonan, rangkap vokal, rangkap konsonan dan distong. Perbincangan dalam kajian ini hanya akan mempertimbangkan bunyi-bunyi yang wujud dalam BMS sahaja.

4.1.1. Sistem Vokal

Berdasarkan buku Yunus Maris yang berjudul The Malay Sound System (1980: 1-2), sistem vokal adalah bunyi bersuara. Semasa menghasilkan bunyi vokal, tiada halangan di rongga mulut atau rongga hidung, jadi, udara dari paru-paru boleh keluar melalui rongga mulut atau rongga hidung. Sekiranya udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut, maka vokal oral dihasilkan. Sebaliknya, vokal juga boleh dinasalisasikan dengan menurunkan lelangit lembut supaya udara dari paru-paru boleh keluar melalui rongga hidung.

Berdasarkan Daniel Jones dalam bukunya An Outline of English Phonetics (1980: 38), vokal boleh diklasifikasikan berlandaskan kedudukan lidah, bahagian lidah dan bentuk bibir.

4.1.1.1. Kedudukan Lidah

Berdasarkan kedudukan lidah, vokal di dalam BMS dibahagikan kepada:

- i) Vokal Sempit [i], [u]
- ii) Vokal Separuh Sempit [e], [o]
- iii) Vokal Luas [a]

Untuk menghasilkan vokal sempit, lidah dinaikkan setinggi-tingginya. Sebaliknya untuk menghasilkan vokal luas, lidah diturunkan serendah-rendahnya. Untuk menghasilkan vokal separuh sempit, lidah diturunkan satu pertiga daripada kedudukan vokal sempit.

4.1.1.2. Bahagian Lidah

Berdasarkan bahagian lidah, vokal dibahagikan kepada:

- i) Vokal Depan [i], [e], [a]
- ii) Vokal Tengah [ə]
- iii) Vokal Belakang [u], [o]

Untuk menghasilkan vokal depan, bahagian depan lidah dinaikkan mendekati lelangit keras. Sebaliknya, untuk menghasilkan vokal belakang, belakang lidah dinaikkan mendekati lelangit lembut. Untuk menghasilkan vokal tengah, bahagian tengah lidah berada dalam kedudukan melengkung ke atas.

4.1.1.3. Bentuk Bibir

Berdasarkan bentuk bibir, vokal dibahagikan kepada:

- i) hampar
- ii) neutral
- iii) bundar

Bentuk bibir hampar atau neutral juga dinamakan bibir tidak bundar. Semasa menghasilkan vokal depan [i], [e] dan [a], bibir tidak dibundarkan. Sebaliknya, semasa menghasilkan vokal belakang [u] dan [o], bibir dibundarkan.

Berdasarkan kriteria-kriteria yang tersebut di atas vokal-vokal dapat dikategorikan kepada:

- [i] Vokal Depan Sempit
- [e] Vokal Depan Separuh Sempit
- [a] Vokal Depan Luas
- [u] Vokal Belakang Sempit
- [o] Vokal Belakang Separuh Sempit

[∂] Vokal Tengah

4.1.1.4. Sistem Vokal BMS

Vokal-vokal yang wujud dalam BMS ialah: (Yunus Maris, 1980:2)

Vokal Depan Sempit [i]

Vokal Depan Separuh Sempit [e]

Vokal Depan Luas [a]


Vokal Belakang Sempit [u]

Vokal Belakang Separuh Sempit [o]

Vokal Tengah [∂]

Berdasarkan kedudukan lidah semasa menghasilkan bunyi vokal, vokal BMS dapat digambarkan seperti yang berikut: (rujuk rajah 1)

Rajah 1: Enam Vokal BMS



Sumber: Yunus Maris, The Malay Sound System (1980:2)

4.1.1.4.1. Vokal Depan

Tiga vokal depan dalam BMS iaitu vokal depan sempit [i]; vokal depan separuh sempit [e] dan vokal depan luas [a]. Untuk menyebut vokal [i], [e] dan [a] ini keadaan bibir tidak dibundarkan. (Yunus Maris, 1980:2)

1. Vokal Depan Sempit [i]

Untuk menghasilkan vokal depan sempit [i], bahagian depan lidah dinaikkan mendekati lelangit keras. Bibir tidak dibundarkan dan udara dari paru-paru tidak tersekat di rongga mulut. (Yunus Maris,1980:3)

Vokal depan sempit [i] hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan tertutup. Contoh:

[i]-----[ikat]	[didal]	[duri]	[bisin]
ikat	didal	duri	bising

2. Vokal Depan Separuh Sempit [e]

Untuk menyebut [e], bahagian depan lidah diturunkan satu pertiga daripada kedudukan untuk menghasilkan vokal depan sempit [i]. (Daniel Jones,1980:38) Bibir tidak dibundarkan dan bunyi vokal separuh sempit dihasilkan.

Vokal depan separuh sempit [e] ini hadir di awal kata terbuka dan tertutup dan di akhir kata tertutup. Contoh:

[e]-----[eka]	[beta]	[toreh]
eka	beta	toreh

3. Vokal Depan Luas [a]

Untuk menyebut [a], bahagian depan lidah diturunkan ke titik yang paling bawah dalam rongga mulut. Udara dari paru-paru tidak mengalami sekatan di dalam rongga mulut dan bibir tidak dibundarkan.

Vokal depan luas hadir di awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan tertutup. Contoh:

[a]-----[akad]	[pantun]	[pola]	[balam]
akad	pantun	pola	balam

4.1.1.4.2. Vokal Tengah

Untuk menghasilkan vokal tengah [ə], bahagian tengah lidah berada dalam kedudukan melengkung ke atas. Bibir tidak dibundarkan.

Penyebaran untuk vokal tengah ialah di posisi awal kata terbuka dan tertutup. Contoh:

[ə]-----[ənam]	[təmpah]
enam	tempah

4.1.1.4.3. Vokal Belakang

Vokal belakang dihasilkan dengan menaikkan belakang lidah ke lelangit lembut dan bibir dibundarkan.

Ada dua vokal belakang iaitu [u] dan [o].

1. Vokal Belakang Sempit [u]

Untuk menghasilkan sebutan [u], belakang lidah dinaikkan mendekati lelangit lembut dan bibir dibundarkan.

Vokal belakang sempit [u] ini hadir di awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan tertutup. Contoh:

[u]-----[usul] [lumrah] [bantun] [garu]
 usul lumrah bantun garu

2. Vokal Belakang Separuh Sempit [o]

Untuk menghasilkan vokal belakang separuh sempit [o], belakang lidah diturunkan satu pertiga daripada kedudukan untuk menghasilkan [u].(Daniel Jones,1980:38)

Penyebaran [o] adalah di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan di akhir kata tertutup. Contoh:

[o]-----[olah]	[kobar]	[doroŋ]
olah	kobar	dorong

4.1.1.4.4. Penyengauan Vokal

Dalam BMS terdapat vokal oral dan vokal yang dinasalisasikan. Vokal boleh dinasalisasikan dengan menurunkan lelangit lembut supaya udara dari paru-paru boleh keluar melalui rongga hidung kerana tiada sekatan wujud di rongga hidung. Vokal yang dinasalisasikan boleh ditandakan dengan tanda '˘' di atas vokal yang dinasalisasikan.

Vokal yang hadir dalam posisi seperti yang ditunjukkan adalah vokal yang dinasalisasikan: (Yunus Maris, 1980:7-9)

1. Semua vokal yang hadir selepas konsonan nasal. Contoh:

makan [mãkan]

banyak [baŋãɔ̑]

2. Kedua-dua vokal yang wujud dalam struktur KVKV atau KVVKV dengan syarat K yang pertama ialah konsonan nasal dan K yang kedua sama ada separuh vokal atau frikatif glotal tidak bersuara [h]. Contoh:

nahu [nãhū̑]

mayang [mãjãŋ̑]

3. Kedua-dua vokal yang hadir selepas konsonan nasal dalam struktur KVVK.

Contoh:

muat [mūăt]

4. Kedua-dua vokal yang hadir selepas konsonan nasal dalam struktur KVKKV.

Contoh:

kurnia [kurniā]

5. Vokal yang hadir selepas plosif glotal [ɔ] dalam perkataan yang berasal dari bahasa Arab. Contoh:


taat [taɔăt]

6. Semua vokal kecuali vokal yang pertama dalam struktur VKVKVKV contohnya perkataan “aniaya”, K yang pertama ialah konsonan nasal manakala K yang kedua ialah separuh vokal.

4.1.1.4.5. Diftong

Berdasarkan Kamus Linguistik (1997: 62), diftong didefinisikan sebagai cantuman dua bunyi vokal yang disebut dalam satu suukata akibat perubahan kedudukan lidah. Ini bermakna bahawa untuk menghasilkan diftong, kedudukan lidah geluncur daripada satu bunyi vokal untuk menghasilkan satu bunyi vokal yang lain. Jadi, dalam diftong hanya mempunyai satu suukata dengan satu puncak kelantangan.

Rajah 2 : Kedudukan Lidah Ketika Membunyikan Bunyi-Bunyi Diftong BMS



Sumber: Yunus Maris, The Malay Sound System (1980: 43)

Dalam BMS terdapat tiga diftong iaitu [aj], [aw], [oj]. (rujuk rajah 2) Ketiga-tiga diftong ini tidak boleh hadir pada lingkungan awal. Diftong [aw] dan [aj] boleh hadir di tengah dan di akhir kata sementara diftong [oj] hanya hadir di akhir kata. Contoh:

[aj]---[tajru]
tairu [ramaj]
 rama

[aw]---[tawbat]
taubat [bantaw]
 bantau

[oj]---[baloj]
baloi

4.1.1.4.6. Rangkap Vokal

Rangkap vokal ialah dua atau lebih vokal hadir berurutan tetapi setiap vokal mempunyai satu suku kata. (Abdullah Hassan, 1987:77)

Dalam BMS, pengwujudan dan penyebaran rangkap vokal adalah terhad. Rangkap vokal hanya wujud di tengah dan di akhir kata tetapi tidak wujud di awal kata. Contoh:

[ia]--- [tiap]
tiap [ria]
 ria

[io]--- [miopia]
miopia

[ao]--- [laot]
laut

[au]--- [pau]
 pau

4.1.2. Sistem Konsonan

Dalam sistem konsonan BMS terdapat 17 konsonan asli, 8 konsonan pinjaman dan 2 separuh vokal. Konsonan asli ialah konsonan yang sedia ada dalam sistem BMS. Orang-orang Melayu tidak menghadapi masalah untuk menyebut bunyi-bunyi ini kerana telah resap ke dalam kehidupan sejak kecil lagi.

Dalam BMS, konsonan asli meliputi plosif atau letupan seperti [p], [b], [t], [d], [k], [g], [χ]; bunyi sengau seperti [m], [n], [ŋ]; bunyi afrikat [χ], [f]; bunyi frikatif [s], [h]; bunyi sisian [l] dan bunyi getaran [r].

Dalam BMS, terdapat juga konsonan pinjaman iaitu konsonan yang dipinjam dari bahasa lain. Konsonan pinjaman yang ada dalam sistem BMS ialah frikatif bersuara [f], [θ], [χ], [ʃ], [ð], [z], [v] dan [x].

Terdapat dua separuh vokal dalam sistem BMS iaitu separuh vokal labio-velar [w] dan separuh vokal palatal [j]. Kedua-dua separuh vokal labio-velar dan separuh vokal palatal ini mempunyai ciri-ciri vokal dan konsonan. Separuh vokal [w] dan [j] merupakan satu komponen diftong [aw] dan [aj].

Menurut Harimurti Kridalaksana (1983:91), konsonan ialah bunyi bahasa yang dihasilkan dengan menghambat aliran udara pada salah satu tempat di

saluran suara di atas glotis. Ini bermakna untuk menghasilkan konsonan, udara dari paru-paru mengalami sekatan.

4.1.2.0. Kriteria-kriteria Untuk Mendeskripsikan Bunyi- bunyi Konsonan

Lyons J. dalam bukunya yang berjudul Bahasa dan Linguistik Suatu Pengenalan (1994,82-88) mengklasifikasikan konsonan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

1. Bersuara atau Tidak Bersuara
2. Oral atau Nasal
3. Aspirasi dan Tidak Aspirasi
4. Ciri-ciri yang menghalang aliran udara
5. Daerah Artikulasi

Dalam penyelidikan ini, hanya 4 kriteria yang berkaitan dengan konsonan BMS akan dibincangkan iaitu:

1. Bersuara atau Tidak Bersuara
2. Oral atau Nasal
3. Ciri-ciri yang menghalang aliran udara
4. Daerah Artikulasi

1. Bersuara atau Tidak Bersuara

Semasa menghasilkan sesuatu konsonan, jika pita suara dirapatkan dan digetarkan, maka, bunyi yang dihasilkan ialah bunyi bersuara. Sebaliknya, jika pita suara tidak digetarkan, maka, bunyi yang dihasilkan adalah bunyi tidak bersuara. Konsonan bersuara dalam BMS ialah [b], [d], [g], [v], [ð], [z], [ʒ], [m], [n], [ŋ] dan [ɣ]. Konsonan tidak bersuara pula ialah [p], [t], [k], [tʃ], [f], [θ], [s], [ʃ], [x] dan [h].

2. Oral atau Nasal

Untuk menghasilkan konsonan oral, lelangit lembut dinaikkan supaya mewujudkan sekatan pada rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dan tidak keluar melalui rongga hidung disebabkan oleh sekatan pada rongga hidung. Untuk menghasilkan konsonan nasal pula, lelangit lembut diturunkan agar tidak mewujudkan sekatan pada rongga hidung. Udara dari paru-paru boleh keluar melalui rongga hidung kerana tiada sekatan pada rongga mulut.

Dalam BMS terdapat 4 konsonan nasal iaitu [m], [n], [ŋ] dan [ɣ].

3. Ciri-ciri yang menghalang aliran udara

Berdasarkan ciri-ciri yang menghalang aliran udara, konsonan dapat dikategorikan kepada plosif, afrikat, frikatif, lateral dan getaran. Halangan yang dimaksudkan meliputi halangan penuh dan halangan separa. Halangan yang

dihadapi semasa menghasilkan bunyi plosif ialah halangan penuh. Sebaliknya halangan yang dihadapi semasa menghasilkan frikatif dan afrikat ialah halangan separa.

4. Daerah Artikulasi

Konsonan juga boleh diklasifikasikan berdasarkan daerah artikulasi iaitu berdasarkan daerah (rujuk rajah 3) dalam rongga mulut yang menyebabkan halangan. Berdasarkan kriteria ini konsonan dikategorikan kepada:

1. Bilabial

Dengan merapatkan kedua-dua bibir. Contohnya [p], [b] dan [m].

2. Labio-dental

Bibir bawah dirapatkan dengan gigi atas. Contohnya [f] dan [v].

3. Dental

Hujung lidah dirapatkan dengan gigi atas. Contohnya [θ] dan [ð].


4. Alveolar

Hujung lidah dirapatkan dengan alveolar. Contohnya [t], [d], [s], [z], [n], [l] dan [r].

5. Palatal

Belakang lidah dirapatkan dengan palatal. Contohnya [ɲ].

Rajah 3 : Organ-Organ Artikulasi



Diubahsuai daripada: Nor Hashimah Jalaluddin, Asas Fonetik (1998:26&33),
Lyons J., Bahasa dan Linguistik Suatu Pengenalan (1994:84)

6. Velar

Belakang lidah dirapatkan dengan lelangit lembut. Contohnya [k], [g], [x], [ŋ] dan [χ].

7. Glotal

Pita suara dirapatkan seketika. Terdapat dua jenis konsonan glotal iaitu [h] dan [χ].

Berdasarkan kriteria-kriteria yang tersebut di atas konsonan BMS dapat dikategorikan kepada plosif, sengau, afrikat, frikatif, lateral dan getaran.(rujuk rajah 4)

4.1.2.1. Konsonan Plosif

Bunyi plosif berlaku apabila udara dari paru-paru disekat mengikut posisi organ artikulasi di rongga mulut. Sekatan udara ini kemudiannya dilepaskan dengan serta-merta. Pelepasan udara dengan serta-merta ini menghasilkan satu bunyi letupan. Semua konsonan plosif dalam BMS tidak diletupkan pada akhir kata. Bunyi plosif bersuara ialah semasa menghasilkan bunyi itu pita suara digetarkan manakala untuk konsonan tidak bersuara ialah semasa menghasilkan bunyi konsonan itu pita suara tidak digetarkan. (Yunus Maris, 1980:52-60) Konsonan plosif yang wujud dalam BMS ialah [p], [b], [t], [d], [k], [g] dan [χ].

Rajah 4 : Sistem Konsonan Bahasa Malaysia Standard (BMS)

Cara Pengeluaran	Daerah Pengeluaran	Bilabial	Labio-dental	Dental	Alveolar	Palatal - alveolar	Palatal	velar	Glotal	Labio-velar
Plosif (Letupan)	tidak bersuara bersuara	p b			t d			k g	2	
Afrikat (Letusan)	tidak bersuara bersuara					y				
Frikatif (Geseran)	tidak bersuara bersuara	f v	θ χ	s z				x ɣ		
Nasal	tidak bersuara bersuara	m		n						h
Lateral	tidak bersuara bersuara							j ɟ		
Getaran	tidak bersuara bersuara					i				
Separuh Vokal	tidak bersuara bersuara				r			j		
										w

Diubahsuai daripada: Yunus Maris, The Malay Sound System (1980: 52)

Abdullah Hassan, Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia (1987:83)

a) Plosif Bilabial [p,b]

[p] ialah plosif bilabial tidak bersuara

[b] ialah plosif bilabial bersuara

Dari segi penyebaran, kedua-dua plosif bilabial tidak bersuara [p] dan plosif bilabial bersuara [b] ini hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[p]-----[pamah]
 pamah [lipas] [malap]
 lipas malap

[b]-----[bandar]
 bandar [gabah] [səbab]
 gabah sebab

b) Plosif Alveolar [t,d]

[t] ialah plosif alveolar tidak bersuara

[d] ialah plosif alveolar bersuara

Dari segi penyebaran, kedua-dua plosif alveolar tidak bersuara [t] dan plosif alveolar bersuara [d] ini hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata.

Contoh:

[t]-----[təlah]
 telah [patuh] [padat]
 patuh padat

[d]-----[dadah]
 dadah [badam] [sujud]
 badam sujud

c) Plosif Velar [k,g]

[k] ialah plosif velar tidak bersuara

[g] ialah plosif velar bersuara

Dari segi penyebaran, kedua-dua plosif velar tidak bersuara [k] dan plosif velar bersuara [g] ini hadir di posisi awal dan tengah kata. Di posisi akhir sesuatu kata, plosif velar tidak bersuara [k] dan plosif velar bersuara [g] ini tidak hadir dalam perkataan bahasa Melayu tulen kecuali dalam perkataan pinjaman dari bahasa Inggeris. Contohnya politik [politik] dan katalog [katalog].

[k]-----[kadar]	[ikat]	[politik]
kadar	ikat	politik
[g]-----[gahar]	[gigit]	[katalog]
gahar	gigit	katalog

d) Hentian Glotis [ɔ]

Dari segi penyebaran, hentian glotis [ɔ] hadir di awal, tengah dan akhir sesuatu kata. Dalam posisi akhir kata, hentian glotis [ɔ] ini wujud untuk menggantikan [k]. Dalam posisi awal, hentian glotis ini biasanya wujud sebelum vokal. Contoh:

[ɔ]-----[ɔasa]	[saɔat]	[dadaɔ]
asa	saat	dadak

4.1.2.2. Konsonan Sengau

Untuk menghasilkan bunyi sengau, lelangit lembut diturunkan dan udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung dan pita suara digetarkan. Semua fonem sengau bersuara. (Yunus Maris,1980:75-78) Terdapat empat bunyi sengau dalam BMS iaitu [m], [n], [ŋ] dan [ɳ].

a) Sengau Bilabial [m]

Dari segi penyebaran, sengau bilabial [m] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[m]-----[majal]	[damar]	[badam]
majal	damar	badam

b) Sengau Alveolar [n]

Dari segi penyebaran, sengau alveolar [n] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[n]-----[nakal]	[mãnã]	[saban]
nakal	mana	saban

c) Sengau palatal [ŋ]

Dari segi penyebaran, [ŋ] hadir di awal dan tengah kata tetapi tidak hadir di akhir kata. Contoh:

[ŋ]-----[ŋala]	[ŋuŋut]
nyala	nyunyut

d) Sengau Velar [ŋ]

Dari segi penyebaran, sengau velar [ŋ] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[ŋ]-----[ŋilu]	[paŋkal]	[panjanŋ]
ngilu	pangkal	panjang

4.1.2.3. Konsonan Afrikat (Letusan)

Untuk menghasilkan sesuatu bunyi afrikat, udara dari paru-paru tersekat mengikut posisi organ artikulasi . Selepas itu udara dilepaskan perlahan-lahan menyebabkan berlakunya letusan. (Yunus Maris,1980:68-70) Dalam BMS, terdapat dua afrikat iaitu [χ] dan [ʃ].

[χ] ialah afrikat palatal-alveolar tidak bersuara

[ʃ] ialah afrikat palatal-alveolar bersuara

Dari segi penyebaran, kedua-dua [χ] dan [ʃ] boleh hadir di awal dan tengah kata. Kedua-dua [χ] dan [ʃ] ini tidak hadir di akhir kata kecuali pada kata yang dipinjam dari bahasa Inggeris umpamanya pic [piχ] dan garaj [garaʃ]. (Zainab Bt. Abdul Majid,1982:30) Contoh:

[χ]-----[χabar]
cabar [χaχi]
caci [piχ]
pic

[ʃ]-----[ʃaran]
jarang [ʃaja]
jaja [garaj]
garaj

4.1.2.4. Konsonan Frikatif (Geseran)

Bunyi frikatif ini dihasilkan dengan menaikkan lelangit lembut agar udara dari paru-paru boleh keluar melalui rongga mulut. Udara tersebut keluar melalui saluran yang sempit dan menyebabkan geseran berlaku. Dua frikatif dalam BMS ialah [s] dan [h]. (Yunus Maris,1980:65-67; Zainab Bt. Abdul Majid,1982:31) Kedua-dua [s] dan [h] ini tidak bersuara.

a) Frikatif Alveolar [s]

Dari segi penyebaran, frikatif alveolar [s] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[s]-----[sabit]
sabit [dasar]
dasar [nipis]
nipis

b) Frikatif Glotis [h]

Dari segi penyebaran, frikatif glotis [h] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[h]-----[haru]
 haru

[lahap]
 lahap

[tuah]
 tuah

4.1.2.5. Konsonan Lateral (Sisian)

Konsonan lateral bersuara [l] dihasilkan dengan menaikkan lelangit lembut agar udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut. Hujung lidah menyentuh gusi dan udara keluar melalui sisi lidah. Semasa menghasilkan [l], pita suara digetarkan. (Yunus Maris,1980:71)

Dari segi penyebaran, [l] ini hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata.

Contoh:

[l]-----[laga]
 laga

[palu]
 palu

[majal]
 majal

4.1.2.6. Konsonan Getaran

Konsonan getaran yang wujud dalam BMS ialah [r]. Bunyi [r] dihasilkan apabila hujung lidah bergetar di bahagian alveolar. Bunyi getaran [r] adalah bersuara. (Yunus Maris,1980:73; Zainab Bt. Abdul Majid,1982:32)

Dari segi penyebaran, konsonan ini hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[r]-----[ragi]	[marah]	[lakar]
ragi	marah	lakar

4.1.2.7. Konsonan Pinjaman BMS

Sistem konsonan BMS mempunyai lapan konsonan pinjaman. [v] dipinjam dari bahasa Inggeris manakala [f], [θ], [ð], [ʃ], [χ], [z] dan [x] dipinjam dari bahasa Arab.

Konsonan-konsonan pinjaman yang wujud dalam BMS ialah frikatif seperti yang berikut:

1. Friktif Labio-dental [f, v]

[f] ialah friktif labio-dental tidak bersuara

[v] ialah friktif labio-dental bersuara

Dari segi penyebaran, [f] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata tetapi fonem [v] hadir di awal dan tengah kata. Contoh:

[f]-----[fasa]	[lafaz]	[wakaf]
fasa	lafaz	wakaf
[v]-----[vila]	[lava]	
vila	lava	

2. Frikatif Dental

[θ] ialah frikatif dental tidak bersuara

[ð] ialah frikatif dental bersuara

Dalam BMS, [θ] biasanya digantikan dengan frikatif alveolar [s]. Umpamanya dalam perkataan "Isnin", "th" dalam perkataan "Ithnin" telah digantikan dengan [s]. (Yunus Maris, 1980:90-91; Zainab Bt. Abdul Majid, 1982:34)

[θ] selalunya digantikan dengan bunyi plosif dental bersuara [d]. [θ] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. [ð] hadir di posisi awal dan tengah kata.

Contoh:

[θ]-----[θalji]-----[salji]
 salji

[miθal]---[misal]
 misal

[ð]----[ðarurat]---[darurat]
 darurat

[muðarat]---[mudarat]
 mudarat

3. Frikatif Alveolar Bersuara [z]

Cara pengeluaran untuk [z] adalah sama dengan [s]. Perbezaan yang wujud antara [z] dan [s] ialah [z] adalah frikatif bersuara alveolar bersuara manakala [s] adalah frikatif alveolar tidak bersuara.

Frikatif alveolar ini hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata Contoh:

[z]-----[zarah]	[rəzəki]	[lafaz]
zarah	rezeki	lafaz

4. Frikatif Palatal-Alveolar [ʃ]

Frikatif palatal-alveolar [ʃ] ialah bunyi tidak bersuara. Semasa menghasilkan [ʃ] pita suara tidak digetarkan.

[ʃ] ini hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[ʃ]-----[jarah]	[maʃyul]
syarah	masyghul

5. Frikatif Velar [x,χ]

[x] ialah frikatif velar tidak bersuara

[χ] ialah frikatif velar bersuara

Semasa menghasilkan [x], pita suara digetarkan. Sebaliknya, semasa menghasilkan [χ], pita suara tidak digetarkan.

Dari segi penyebaran, kedua-dua [x] dan [χ] ini hadir di awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[x]-----[xianat]
khianat

[axbar]
akhbar

[tarix]
tarikh

[χ]-----[χarib]
gharib

[maʃχul]
masyghul

[baliχ]
baligh

4.1.3. Separuh Vokal

Dua separuh vokal yang wujud dalam BMS ialah separuh vokal labio-velar bersuara [w] dan separuh vokal palatal bersuara [j].

1. Separuh Vokal Labio-Velar [w]

Untuk menghasilkan separuh vokal labio-velar [w], bibir dibundarkan, bahagian belakang lidah dinaikkan mendekati lelangit lembut. (Yunus Maris, 1980:81)

Separuh vokal [w] ini hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[w]-----[waʃar]
wajar

[rawa]
rawa

[waw]
wau

2. Separuh Vokal Palatal [j]

Untuk menghasilkan separuh vokal [j], bahagian depan lidah dinaikkan mendekati lelangit keras atau palatal. (Yunus Maris, 1980:82)

[j] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[j]-----[juran]	[baju]	[piawaj]
yuran	bayu	piawai

4.1.4. Rangkap Konsonan

Rangkap konsonan yakni dua atau lebih konsonan yang hadir berturutan tidak wujud dalam bahasa Melayu tulen. Ini kerana dalam bahasa Melayu tulen, setiap sukukata dibentuk dengan fonem vokal sebagai nukleus misalnya mengikut urutan VKV, KVV dan VK tetapi dalam pertuturan cepat ada kemungkinan bunyi pepet [ð] yang terdapat dalam sukukata tertentu telah digugurkan khususnya bagi perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu tulen. Contohnya dalam perkataan isteri [istðri]-----[istri] di mana [ð] digugurkan.

Rangkap konsonan juga nyata dalam kata pinjaman bahasa Inggeris misalnya "stor" dan "proses". Dengan kemasukan kata pinjaman tersebut di atas, nyata bahawa rangkap konsonan hadir dalam BMS. (Zainab Bt. Abdul Majid, 1982:22)

4.2. Sistem Bunyi Bahasa Portugis Standard (BPS)

4.2.1. Sistem Vokal

Semasa pengeluaran bunyi vokal tidak wujud sekatan udara. Di dalam Bahasa Portugis sistem vokal boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu vokal oral dan vokal nasal. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra, 1992:36; Pilar Vazquez Cuesta, 1980:305-306)

Vokal oral ialah bunyi yang dihasilkan tanpa sekatan udara dan udara itu keluar melalui rongga mulut. Vokal nasal pula adalah bunyi yang dihasilkan tanpa sekatan udara dan udara itu keluar melalui rongga hidung. Vokal nasal boleh ditandakan dengan ‘~’ di atas vokal nasal. Semasa vokal diikuti oleh konsonan m atau n, maka ini akan membentuk vokal nasal. Contohnya di dalam perkataan *tampa*, disebabkan vokal [ə] diikuti oleh konsonan nasal [m] maka vokal ini dinasalkan menjadi [ã]. Begitu juga dengan vokal [ɔ] apabila diikuti oleh konsonan nasal [n]. Vokal ini telah dinasalkan.

Vokal oral dapat dibahagikan kepada vokal oral luas dan vokal oral sempit. Vokal oral luas iaitu vokal oral yang dihasilkan dengan mulut yang dibuka luas contoh vokal [ɔ] dalam perkataan *pó* [pɔ] (debu). Vokal oral sempit pula dihasilkan dengan mulut yang dibuka sempit umpamanya vokal [o] dalam perkataan *pôr* [por] (letak).

Menurut Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra (1992:30-40), vokal dalam BPS dapat diklasifikasikan berdasarkan kepada:

1. daerah artikulasi
2. darjat keluasan mulut
3. rongga mulut sama ada oral atau nasal
4. tekanan

Dalam penyelidikan ini, hanya 3 kriteria yang berkaitan akan dibincangkan iaitu:

1. daerah artikulasi
2. darjat keluasan mulut
3. rongga mulut sama ada oral atau nasal

4.2.1.1. Daerah Artikulasi

Vokal dalam BPS boleh dibahagikan kepada vokal depan, vokal tengah dan vokal belakang seperti mana yang terdapat dalam sistem BMS. Sekiranya dalam proses pengeluaran sesuatu bunyi melibatkan depan lidah maka sesuatu vokal dinamai vokal depan umpamanya [i], [e], [ɛ].

Sebaliknya, sekiranya dalam proses pengeluaran sesuatu bunyi melibatkan belakang lidah maka sesuatu vokal dinamai vokal belakang contoh [u], [o], [ɔ] .

Begitu juga sekiranya dalam proses pengeluaran melibatkan bahagian tengah lidah maka dinamai vokal tengah contoh [ɑ], [a], [ə].

4.2.1.2. Darjat Keluasan Mulut


Selain itu, vokal BPS boleh dibahagikan kepada vokal luas, vokal separuh sempit, vokal separuh luas dan vokal sempit berdasarkan darjat keluasan mulut. Sekiranya mulut dibuka luas umpamanya semasa menghasilkan vokal luas [a] maka dinamai vokal luas. Sebaliknya, jika keluasan mulut adalah sempit sahaja umpamanya semasa menghasilkan vokal [i] , [u] maka dinamai vokal sempit. Begitu juga semasa menghasilkan vokal [e], [ɛ], [o] keluasan mulut adalah separuh sempit maka dinamai vokal separuh sempit. Semasa menghasilkan vokal [ə] dan [ɔ] keluasan mulut adalah separuh luas maka dinamai vokal separuh luas. (rujuk rajah 5 dan 6)

Rajah 5 : Klasifikasi Vokal BPS Mengikut Darjat Keluasan Mulut

	Depan	Tengah	Belakang
sempit	i	ə	u
separuh sempit	e	ɑ	o
separuh Luas	ɛ		ɔ
Luas		a	

Sumber: Wang Zeng Yang, Lições De Português Elementar (1988:78)

Rajah 6 : Kedudukan Jenis Vokal Dalam Bahasa Portugis Standard (BPS)



4.2.1.3. Rongga Mulut

Berdasarkan rongga mulut vokal dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu vokal oral dan vokal nasal. Contoh vokal oral [i], [ε], [e], [a], [ɔ], [o], [u], [ø] dan [ɑ]. Vokal nasal ialah [ĩ], [ẽ], [᷑], [ᷓ] dan [ᷕ].

4.2.2. Vokal Oral

1. Vokal Luas [a]

Daerah artikulasi untuk menghasilkan vokal ini merupakan bahagian tengah lidah. Vokal luas ini hadir dalam sukukata yang ditegaskan. Untuk menghasilkan vokal [a], mulut dibuka luas dan bibir tidak dibundarkan. Lidah berada pada kedudukan paling rendah. Vokal [a] dilambangkan oleh huruf “a” dengan tanda terbuka iaitu “á” atau tanpa tanda terbuka. (Wang Zeng Yang, 1988:8)

[a] hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka. Contoh:

[almɑ]	[salɑ]	[pa]
alma	sala	pá
(jiwa)	(bilik)	(penyodok)

2. Vokal Separuh Sempit [ɑ]

Daerah artikulasi merupakan bahagian tengah lidah. Cara untuk menghasilkan vokal [ɑ] sama seperti mana untuk menghasilkan vokal [a]. Lidah berada pada kedudukan yang lebih tinggi. Vokal ini hadir dalam suku kata yang tidak ditegaskan. Vokal ini dilambangkan oleh huruf "a" tanpa tanda terbuka. (Wang Zeng Yang, 1988:8)

[ɑ] hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka. Contoh:

[ɑʒudar]	[ʒɑnəlɑ]	[salɑ]
ajudar	janela	sala
(menolong)	(jendela)	(bilik)

3. Vokal Depan Separuh Luas [ɛ]

Daerah artikulasi merupakan bahagian depan lidah. Untuk menghasilkan vokal [ɛ] bibir tidak dibundarkan. Keluasan mulut lebih sempit daripada [a] tetapi lebih luas daripada [ɑ]. Kedudukan lidah adalah lebih

tinggi daripada [a]. Vokal ini dilambangkan oleh huruf "e" dengan tanda terbuka "é" atau tanpa tanda terbuka "e". (Wang Zeng Yang,1988:9)

[ɛ] hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan tertutup. Contoh:

[ɛpɔka]	[levð]	[muλer]	[pɛ]
época	leve	mulher	pé
(zaman)	(ringan)	(wanita)	(kaki)

4.Vokal Depan Sempit [i]

Daerah artikulasi merupakan bahagian depan lidah. Untuk menghasilkan vokal [i], bibir tidak dibundarkan. Keluasan mulut adalah sempit. Lidah berada pada kedudukan yang paling tinggi tetapi tidak menyentuh lelangit keras. Vokal ini dilambangkan oleh huruf "i". (Wang Zeng Yang,1988:9)

[i] ini hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan tertutup. Contoh:

[idəjɑ]	[lizu]	[abrir]	[li]
ideia	liso	abrir	li
(ide)	(licin)	(buka)	(saya baca-kala lampau)

5.Vokal Belakang Separuh Luas [ɔ]

Daerah artikulasi merupakan belakang lidah. Untuk menghasilkan vokal [ɔ] keluasan mulut sama seperti mana menghasilkan vokal [ɛ] tetapi untuk menghasilkan vokal [ɔ], bibir dibundarkan. Vokal ini dilambangkan

oleh huruf "o" dengan tanda terbuka iaitu “ó”. Selain itu, vokal ini juga hadir dalam sukukata ditegaskan yang ditandakan dengan tanda terbuka atau tidak ditandakan dengan tanda terbuka. (Wang Zeng Yang,1988:10)

[ɔ] hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan tertutup. Contoh:

[ɔkej]	[mɔdu]	[vɔs]	[pɔ]
<i>hoquei</i>	<i>modo</i>	<i>voz</i>	<i>pó</i>
(hoki)	(cara)	(suara)	(debu)

6.Vokal Belakang Sempit [u]

Daerah artikulasi merupakan belakang lidah. Untuk menghasilkan vokal [u] ini, lidah berada dalam kedudukan paling tinggi tetapi tidak menyentuh lelangit keras. Bibir dibundarkan. Vokal ini dilambangkan oleh huruf "u". (Wang Zeng Yang.1988;10)

[u] hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka. Contoh:

[uniãw]	[lulã]	[sumu]
<i>união</i>	<i>lula</i>	<i>sumo</i>
(kesatuan)	(sotong)	(jus)

7.Vokal Depan Separuh Sempit [e]

Daerah artikulasi merupakan bahagian depan lidah. Untuk menghasilkan vokal [e] ini, lidah berada dalam kedudukan lebih tinggi daripada vokal [ɛ] tetapi lebih rendah daripada vokal [i]. Vokal ini

dilambangkan dengan huruf "e" yang mempunyai tanda tertutup ^ atau tidak mempunyai tanda tertutup ^ . (Wang Zeng Yang,1988:18)

[e] hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan tertutup. Contoh:

[ekoloʒia]	[medu]	[meʃ]	[ve]
<i>ecologia</i>	<i>medo</i>	<i>mês</i>	<i>vê</i>
(ekologi)	(takut)	(bulan)	(dia lihat-kala kini)

8. Vokal Sempit [ð]

Daerah artikulasi merupakan bahagian tengah lidah. Untuk menghasilkan vokal sempit [ð], keluasan mulut adalah sempit, bahagian tengah lidah dinaikkan. Vokal ini dilambangkan oleh huruf "e". (Wang Zeng Yang,1988:18-19)

[ð] hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka. Contoh:

[ðstудар]	[lðгар]	[тапетð]
<i>estudar</i>	<i>legar</i>	<i>tapete</i>
(belajar)	(mewariskan)	(tikar)

9.Vokal Belakang Separuh Sempit [ɔ]

Daerah artikulasi merupakan bahagian belakang lidah. Untuk menghasilkan [ɔ] keluasan mulut adalah lebih sempit daripada [ɔ] tetapi lebih luas daripada [u]. Belakang lidah dinaikkan ke atas tetapi tidak setinggi kedudukan lidah untuk menghasilkan bunyi [u]. Bibir dibundarkan. Vokal

belakang separuh sempit dilambangkan oleh huruf "o" dengan tanda tertutup ^ iaitu [ô] dan juga dalam sukukata yang ditegaskan tetapi tiada tanda tertutup. (Wang Zeng Yang, 1988:19)

[o] hadir di posisi awal kata terbuka dan tertutup dan akhir kata terbuka dan tertutup. Contoh:

[ovu] <i>ovo</i> (telur)	[sopa] <i>sopa</i> (sup)	[tradutor] <i>tradutor</i> (penterjemah)	[avô] <i>avô</i> (datuk)
--------------------------------	--------------------------------	--	--------------------------------

4.2.3. Vokal Nasal

1. Vokal Nasal Separuh Sempit [ã̃]

Cara pengeluaran untuk vokal nasal [ã̃] adalah sama seperti cara pengeluaran untuk vokal separuh sempit [ã]. Perbezaan di antara [ã̃] dengan [ã] ialah semasa mengeluarkan [ã̃] lelangit lembut diturunkan, udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung. (Wang Zeng Yang, 1988:38)

Vokal nasal [ã̃] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[ã̃dar] <i>andar</i> (aras)	[ilõfã̃tõ] <i>elefante</i> (gajah)	[lã̃] <i>lã̃</i> (bulu biri-biri)
-----------------------------------	--	---

2. Vokal Nasal Separuh Sempit [é̃]

Cara pengeluaran [é̃] sama dengan cara pengeluaran [e]. Perbezaan yang wujud di antara [é̃] dan [e] ialah semasa menghasilkan [é̃] lelangit lembut diturunkan. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung. [é̃]

dilambangkan oleh "e" diikuti oleh huruf "m" dan "n". (Wang Zeng Yang,1988:49)

[[~]e] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[[~] esinar]	[l [~] esu]	[t [~] e]
<i>ensinar</i>	<i>lenço</i>	<i>tem</i>
(mengajar)	(sapu tangan)	(dia ada- kala kini)

3. Vokal Nasal Sempit [i̇]

Cara pengeluaran [i̇] sama dengan cara pengeluaran [i]. Perbezaan yang wujud di antara [i̇] dan [i] ialah semasa menghasilkan [i̇], lelangit lembut diturunkan. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung. Vokal ini dilambangkan oleh huruf "i" yang diikuti oleh huruf "m" dan "n". (Wang Zeng Yang,1988:49)

[i̇] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[i̇vernu]	[līpu]	[fī]
<i>inverno</i>	<i>limpo</i>	<i>fim</i>
(musim sejuk)	(bersih)	(akhir)

4. Vokal Nasal Separuh Sempit [õ]

Cara pengeluaran untuk [õ] adalah sama dengan cara pengeluaran untuk vokal separuh sempit [o]. Perbezaan yang wujud ialah semasa menghasilkan [[~]o], lelangit lembut diturunkan. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung. Vokal ini dilambangkan oleh huruf "o" diikuti oleh "m" dan "n". (Wang Zeng Yang,1988:50)

[õ] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[õdõ]	[fõtõ]	[kõ]
<i>onde</i>	<i>fonte</i>	<i>com</i>
(mana)	(sumber)	(dengan)

5. Vokal Nasal Sempit [u̇]

Cara pengeluaran untuk [u̇] adalah sama dengan cara pengeluaran untuk vokal [u]. Perbezaan yang wujud ialah semasa menghasilkan [u̇], lelangit lembut diturunkan. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung. Vokal ini dilambangkan oleh huruf “u” diikuti oleh “m” dan “n”. (Wang Zeng Yang,1988:50)

[u̇] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[u̇]	[núka]	[awgu̇]
<i>um</i>	<i>nunca</i>	<i>algum</i>
(satu)	(tidak pernah)	(beberapa)

4.2.4. Diftong

Diftong terdiri daripada satu vokal kuat dan satu vokal lemah. Diftong mempunyai satu bunyi kelantangan dan adanya geluncuran. Terdapat dua jenis diftong iaitu diftong oral dan diftong nasal. Diftong juga boleh dibahagikan kepada diftong menaik dan diftong menurun. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra,1992:48-49)

1.Diftong Menurun

Diftong menurun muncul hasil daripada satuan satu vokal dan satu separuh vokal yakni dibentuk daripada satu vokal kuat diikuti oleh satu separuh vokal yang lemah. Diftong menurun dapat dibahagikan kepada:

a) Diftong Oral Menurun (rujuk rajah 7)

[aj] --- *pai* [paj] (bapa)

[aw] --- *mau* [maw] (buruk)

[ɛj]--- *aneis* [anejʃ] (cincin)

[ɑj] --- *sei* [sɑj] (saya tahu –kala kini)

[ɛw] --- *céu* [səw] (langit)

[ew]--- *meu* [mew] (saya punya)

[iŋ]--- *viu* [viw] (dia lihat –kala lampau)

[ɔj] --- *dói* [dɔj] (saya sakit – kala lampau)

[oŋ]--- *boi* [boj] (lembu jantan)

[ow]--- *vou* [vow] (saya pergi- kala kini)

[uj]--- *fui* [fuj] (saya pergi – kala lampau)

Rajah 7 : Diftong Oral Menurun BPS

	Vokal Depan	Vokal Tengah	Vokal Belakang
Sempit	i	ə	u
Separuh Sempit	e	ə	o
Separuh Luas	ɛ	a	ɔ
Luas		a	

Sumber: Wang Zeng Yang, Lições De Português Elementar (1988: 115)

b) Diftong Nasal Menurun (rujuk rajah 8)

[$\tilde{\alpha}j$]---*mãe* [m $\tilde{\alpha}j$] (emak), *caibra* [k $\tilde{\alpha}jb$ ra] (kejang)

[$\tilde{\alpha}w$]---*cão* [k $\tilde{\alpha}w$] (anjing), *falam* [fa $\tilde{\alpha}w$] (mereka cakap—kala kini)

[$\tilde{o}j$]--- *põe* [p $\tilde{o}j$] (dia letak —kala kini)

[$\tilde{u}j$]---*muito* [m \tilde{u} jtu] (banyak)

Rajah 8 : Diftong Nasal Menurun BPS

	Vokal Depan	Vokal Tengah	Vokal Belakang
Sempit	\tilde{i}		
Separuh Sempit	\tilde{e}	$\tilde{\alpha}$	\tilde{u}
Separuh Luas			
Luas			\tilde{o}

2.Diftong Menaik

Diftong menaik merupakan hasil pembentukan satu separuh vokal dan satu vokal. Untuk menghasilkan bunyi ini, vokal yang mengikuti separuh vokal lebih nyaring. Terdapat dua jenis diftong menaik iaitu:

a) Diftong Oral Menaik (rujuk rajah 9)

quase [kwaz ∂] (hampir)

Rajah 9 : Diftong Oral Menaik BPS

	Vokal Depan	Vokal Tengah	Vokal Belakang
Sempit	i	ə	u
Separuh Sempit	e	ɔ	o
Separuh Luas	ɛ	a	ɔ
Luas			

Sumber: Wang Zeng Yang, Lições De Português Elementar (1988: 116)

b) Diftong Nasal Menaik (rujuk rajah 10)

quando /kwādu/ (bila)

Rajah 10 : Diftong Nasal Menaik BPS

	Vokal Depan	Vokal Tengah	Vokal Belakang
Sempit			u
Separuh Sempit			
Separuh Luas		ɔ̃	
Luas			

Berikut adalah diftong yang terdapat dalam BPS:

1. Diftong oral [aw]

Semasa menghasilkan vokal [a] organ pengeluaran telah bersedia untuk menghasilkan [w]. Keluasan mulut berubah dari luas menjadi sempit. Bibir menjadi bundar. Bunyi [a] lebih nyaring manakala bunyi [w] lebih lemah. Semasa [a] dan [w] disatukan, bunyi [aw] akan dihasilkan. (Wang Zeng Yang,1988:39)

[aw] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[awlɑ]	[nawzia]	[maw]
<i>aula</i>	<i>nausea</i>	<i>mau</i>
(kelas)	(rasa loya)	(buruk)

2. Diftong nasal [ãw]

Semasa menghasilkan bunyi [ã] organ pengeluaran sudah bersedia untuk mengeluarkan bunyi [w]. Cara pengeluaran untuk [ãw] adalah sama dengan cara pengeluaran untuk [aw]. Perbezaan ialah untuk mengeluarkan [ãw] lelangit lembut diturunkan dan udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung. Diftong nasal ini dilambangkan oleh huruf "ão" dan "am".

(Wang Zeng Yang,1988:39)

[ãw] hadir di posisi akhir kata. Contoh:

[nãw]
<i>não</i>
(tidak)

3. Diftong oral [aj]

Semasa menghasilkan bunyi [a] organ pengeluaran telah bersedia untuk menghasilkan bunyi [j]. Lidah dinaikkan mendekati lelangit keras, hujung lidah menuju ke depan menyentuh gusi. Diftong ini dilambangkan oleh huruf "a" dan "i" untuk membentuk satu suku kata. (Wang Zeng Yang, 1988:62)

[aj] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[ajpu]	[majʃ]	[vaj]
<i>aipo</i>	<i>mais</i>	<i>vai</i>
(sayur saleri)	(lebih)	(dia pergi-kala kini)

4. Diftong oral [ɑj]

Semasa menghasilkan vokal separuh sempit [ɑ], organ pengeluaran telah bersedia untuk menghasilkan [j]. Keluasan mulut lebih kecil berbanding dengan [aj]. Lidah dinaikkan mendekati lelangit keras, hujung lidah menuju ke depan menyentuh gusi. Diftong ini dilambangkan oleh huruf "e" dan "i" untuk membentuk satu suku kata. (Wang Zeng Yang, 1988:62)

[ɑj] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[ɑjsbərg]	[fɑju]	[sɑj]
<i>iceberg</i>	<i>feio</i>	<i>sei</i>
(apungan ais dalam laut)	(hodoh)	(saya tahu- kala kini)

5. Diftong oral [oj]

Semasa menghasilkan vokal separuh sempit [o], organ pengeluaran sudah bersedia untuk menghasilkan separuh vokal [j]. Lidah dinaikkan mendekati lelangit keras, hujung lidah menuju ke depan menyentuh gusi. Diftong ini dilambangkan oleh huruf "o" dan "i" untuk membentuk satu suku kata. (Wang Zeng Yang, 1988:63)

[oj] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[ojtu]	[kojzɑ]	[boj]
<i>oito</i>	<i>coisa</i>	<i>boi</i>
(lapan)	(benda)	(lembu jantan)

6. Diftong oral [ɛj]

Semasa mengeluarkan vokal separuh luas [ɛ], organ pengeluaran telah bersedia untuk mengeluarkan separuh vokal [j]. Keluasan mulut semakin sempit, kedudukan lidah telah dinaikkan. Diftong ini dilambangkan oleh huruf "e" dan "i" dalam suku kata yang ditegaskan. (Wang Zeng Yang, 1988:75)

[ɛj] hadir di posisi tengah kata. Contoh:

[papejʃ]
<i>papeis</i>
(kertas-jamak)

7. Diftong oral [ɔj]

Semasa mengeluarkan vokal separuh luas [ɔ], organ pengeluaran telah bersedia untuk mengeluarkan separuh vokal [j]. Bibir adalah bundar apabila menghasilkan [ɔ] tetapi selepas itu telah menjadi leper. Lidah dinaikkan mendekati lelangit keras, hujung lidah menuju ke depan menyentuh gusi. Diftong ini dilambangkan oleh huruf "o" dan "i" dalam sukukata yang ditegaskan. (Wang Zeng Yang,1988:75)

[ɔj] hadir di posisi tengah dan akhir kata. Contoh:

[lecoɔjʃ]	[dɔj]
<i>lencois</i>	<i>dói</i>
(sapu tangan-jamak)	(saya sakit- kala kini)

8. Diftong nasal [ɔ̄j]

Cara pengeluaran [ɔ̄j] adalah sama dengan cara pengeluaran [oj]. Semasa menghasilkan [ɔ̄] organ pengeluaran telah bersedia untuk menghasilkan [j]. Perbezaan yang wujud di antara [ɔ̄j] dengan [oj] ialah semasa menghasilkan [ɔ̄j], lelangit lembut diturunkan. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung. Diftong ini dilambangkan oleh huruf "oe". (Wang Zeng Yang,1988:75)

[ɔ̄j] hadir di posisi dan akhir tengah kata. Contoh:

[fɔ̄jʒɔ̄jʃ]	[pɔ̄j]
<i>feijões</i>	<i>poe</i>
(kacang-jamak)	(dia letak- kala kini)

9. Diftong nasal [ʊ̇]

Cara pengeluaran [ʊ̇] adalah sama dengan cara pengeluaran [uj].

Semasa mengeluarkan [ʊ̇] organ pengeluaran sudah bersedia untuk menghasilkan [j]. Perbezaan di antara [ʊ̇] dan [uj] ialah semasa menghasilkan [ʊ̇] lelangit lembut diturunkan, udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung. Diftong ini dilambangkan oleh huruf "u" dan "i".

(Wang Zeng Yang,1988:76)

[ʊ̇] hadir di posisi tengah kata. Contoh:

[mʊ̇jtu]

muito

(banyak)

10. Diftong oral [ew]

Semasa menghasilkan [e] organ pengeluaran telah bersedia untuk menghasilkan [w]. Keluasan mulut menjadi sempit, bibir menjadi bundar, kedudukan lidah dinaikkan. Diftong ini dilambangkan oleh huruf "e" dan "u" untuk membentuk satu suku kata. (Wang Zeng Yang,1988:90)

[ew] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[ewropew]

europeu

(eropah)

[fewdaʃ]

feudal

(feudal)

[licew]

liceu

(sekolah)

11. Diftong oral [ɛw]

Semasa menghasilkan [ɛ] organ pengeluaran telah bersedia untuk menghasilkan [w]. Keluasan mulut menjadi sempit, bibir menjadi bundar, kedudukan lidah dinaikkan. Diftong ini dilambangkan oleh huruf "e" dan "u" untuk membentuk satu suku kata. (Wang Zeng Yang, 1988:90)

[ɛw] hadir di posisi akhir kata. Contoh:

[ʃapɛw]
chapéu
(topi)

12. Diftong oral [iw]

Semasa menghasilkan [i] organ pengeluaran telah bersedia untuk menghasilkan [w]. Keluasan mulut adalah sempit. Bibir pada mulanya adalah leper kemudian menjadi bundar. Kedudukan lidah beredar dari lelangit keras kepada lelangit lembut. Diftong ini dilambangkan oleh huruf "i" dan "u" untuk membentuk satu suku kata. (Wang Zeng Yang, 1988:90)

[iw] hadir di posisi akhir kata. Contoh:

[abriw]
abriu
(dia buka- kala lampau)

13. Diftong oral [uj]

Semasa menghasilkan [u] organ pengeluaran telah bersedia untuk menghasilkan [j]. Keluasan mulut adalah sempit. Bibir pada mulanya adalah bundar kemudian menjadi leper. Kedudukan lidah dinaikkan dan beredar dari lelangit lembut kepada lelangit keras. Diftong ini dilambangkan oleh huruf "u" dan "i" untuk membentuk satu suku kata. (Wang Zeng Yang, 1988:91)

[uj] hadir di posisi tengah dan akhir kata. Contoh:

[gratujtu]	[fuj]
<i>gratuito</i>	<i>fui</i>
(percuma)	(saya pergi- kala lampau)

14. Diftong oral [wa]

Semasa menghasilkan [w] organ pengeluaran telah bersedia untuk menghasilkan [a]. Mula-mula bibir dibundarkan selepas itu, menjadi leper. Kedudukan lidah diturunkan dan beredar dari lelangit lembut kepada bahagian tengah rongga mulut. Diftong ini dilambangkan oleh huruf "u" dan "a". (Wang Zeng Yang, 1988:91)

[wa] hadir di posisi tengah kata. Contoh:

[kwatru]
<i>quatro</i>
(empat)

4.2.5. Triftong

Triftong terdiri daripada separuh vokal + vokal + separuh vokal untuk membentuk satu suukata dengan satu kelantangan. Dalam Bahasa Portugis, terdapat dua jenis triftong iaitu triftong oral dan triftong nasal. Cara pengeluaran triftong adalah sama dengan cara pengeluaran diftong. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra, 1992:49-50; Wang Zeng Yang, 1988:102)

1. Triftong Oral

Terdapat tiga tritong oral iaitu:

i) [waj]

Triftong [waj] hadir di posisi tengah dan akhir kata. Contoh:

[igwajʃ]	[urugwaj]
<i>iguais</i>	<i>Uruguai</i>
(serupa)	(Uruguai)

ii) [wɔj]

Triftong [wɔj] hadir di posisi akhir kata. Contoh:

[eʃagwɔj]	
<i>enxaguei</i>	
(saya membilas-kala lampau)	

iii) [wiw]

Triftong [wiw] hadir di posisi akhir kata. Contoh:

[argwiw]	
<i>arguiu</i>	
(dia membahas-kala lampau)	

1. Tritong Nasal

Terdapat tiga triftong nasal iaitu:

i) [w̄āw]

Triftong [w̄āw] hadir di posisi akhir kata. Contoh:

[sagw̄āw]

saguao

(foyer)

ii) [w̄āj]

Triftong [w̄āj] hadir di posisi akhir kata. Contoh:

[adekw̄āj]

adequem

(mereka sesuai-kala kini bersyarat)

iii) [w̄ōj]

Triftong [w̄ōj] hadir di posisi tengah kata. Contoh:

[sagw̄ōjʃ]

saguōes

(foyer-jamak)

4.2.6. Rangkap Vokal

Semasa dua vokal hadir berturutan tetapi tidak membentuk satu suku kata yang sama maka ini dikatakan sebagai rangkap vokal. Perbezaan antara diftong dan rangkap vokal adalah:

1. Rangkap vokal dibentuk oleh dua vokal sebaliknya diftong dibentuk oleh satu vokal dan satu separuh vokal. Contoh *boa* [boa] (baik), *duas* [duaʃ] (dua).
2. Rangkap vokal merupakan dua vokal berturutan yang membentuk dua suukata yang berlainan. Sebaliknya, diftong dibentuk oleh satu vokal dan satu separuh vokal dengan satu vokal membentuk satu suukata. Contoh *pais* [pajʃ] (ibu bapa), *pau* [paw] (kayu).

Jelas bahawa, huruf “i” dan “u” diikuti oleh vokal lain dalam suukata tidak ditegaskan akan membentuk diftong. Sebaliknya, jika huruf “i” dan “u” diikuti oleh vokal lain dalam suukata yang ditegaskan maka ini akan membentuk rangkap vokal. Contoh *dia* [dia] (hari), *cópia* [kɔpiɑ] (salinan), *rio* [Rio] (sungai).

Semasa vokal a, e dan o berturutan, ini juga akan membentuk rangkap vokal. Contoh *boa* [boa] (baik), *Lisboa* [lisboa] (Lisbon). (Wang Zeng Yang, 1988:76; Wang Suo Ying dan Lu Yan Bin, 1996:10)

Terdapat 10 rangkap vokal dalam BPS iaitu:

1. [ae]

Rangkap vokal [ae] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[aeroportu] <i>aeroporto</i> (lapangan terbang)	[Real] <i>real</i> (benar)
---	----------------------------------

2. [ee]

Rangkap vokal [ee] hadir di posisi tengah kata. Contoh:

[Reeleʒer]

reeleger

(pilihan semula)

3. [ui]

Rangkap vokal [ui] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[uivar]

uivar

(teriak)

[Ruivu]

ruivo

(rambut merah)

4. [oe]

Rangkap vokal [oe] hadir di posisi tengah kata. Contoh:

[doer]

doer

(sakit)

5. [ai]

Rangkap vokal [ai] hadir di posisi tengah kata. Contoh:

[pajʃ]

pais

(negara)

6. [ua]

Rangkap vokal [ua] hadir di posisi tengah dan akhir kata. Contoh:

[duaʃ]

duas

(dua)

[Rua]

rua

(jalan)

7. [au]

Rangkap vokal [au] hadir di posisi tengah kata. Contoh:

[saudə]
<i>saúde</i>
(kesihatan)

8. [eo]

Rangkap vokal [eo] hadir di posisi tengah kata. Contoh:

[teoria]
<i>teoria</i>
(teori)

9. [ia]

Rangkap vokal [ia] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[ia]	[viaʒé]	[vitoria]
<i>ia</i>	<i>viagem</i>	<i>vitória</i>
(saya pergi-kala lampau)	(pelancongan)	(kemenangan)

10. [io]

Rangkap vokal [io] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[iogurtə]	[bioložia]
<i>iogurte</i>	<i>biología</i>
(yogurt)	biologi

4.3. Konsonan

Konsonan-konsonan yang terdapat dalam BPS (rujuk rajah 11)

Rajah 11 : Sistem Konsonan Bahasa Portugis Standard(BPS)

Daerah Pengeluaran		Bilabial	Labio-Dental	Dental	Alveolar	Palatal	Velar	Uvular	Labio-velar
Cara Pengeluaran		p b	t d	s z	ʃ ʒ	k g			
Plosif (Letupan)	TBS BS								
Frikatif (Gosoran)	TBS BS		f v						
Nasal	TBS BS			m		n	ŋ		
Lateral	TBS BS					l	λ		
Getaran	TBS BS					r		R	
Separuh Vokal	TBS BS					j			w

Petunjuk: TBS : Tidak Bersuara
BS : Bersuara

Sumber: Wang Zeng Yang, Líções De Português Elementar (1988: 133)

4.3.1. Konsonan Plosif.

1. Plosif Bilabial Tidak Bersuara [p]

Untuk menghasilkan plosif bilabial tidak bersuara [p], bibir atas dan bibir bawah dirapatkan, udara dari paru-paru tersekat di belakang bibir itu. Bibir direnggangkan dan udara yang tersekat itu dilepaskan serta-merta. Pita suara tidak digetarkan. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra,1992:42-47; Wang Zeng Yang,1988:11)

[p] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[pɛ]	[mapə]
pé	mapa
(kaki)	(peta)

2. Plosif Bilabial Bersuara [b]

Cara untuk menghasilkan plosif bilabial bersuara [b] adalah sama dengan cara untuk menghasilkan [p]. Untuk menghasilkan [b], bibir atas dan bibir bawah dirapatkan untuk membentuk satu sekatan. Udara dari paru-paru tersekat di belakang bibir itu. Apabila bibir direnggangkan udara yang tersekat itu dilepaskan secara serta- merta. Pita suara digetarkan. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra,1992:42-47; Wang Zeng Yang,1988:29)

[b] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[bɔla]	[beber]	[sob]
bola	beber	sob
(bola)	(minum)	(di bawah)

3. Plosif Dental Tidak Bersuara [t]

Untuk menghasilkan plosif dental tidak bersuara [t], hujung lidah menyentuh gigi atas dan membentuk satu sekatan di belakang hujung lidah dan gigi. Udara dari paru-paru tersekat. Apabila sekatan direnggangkan, udara yang tersekat itu dilepaskan serta-merta. Pita suara tidak digetarkan. [t] dilambangkan oleh huruf “t”. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra, 1992:42-47; Wang Zeng Yang, 1988:21)

[t] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[tardə̥]	[i̥tu]
<i>tarde</i>	<i>isto</i>
(petang)	(ini)

4. Plosif Dental Bersuara [d]

Cara pengeluaran untuk [d] adalah sama dengan cara pengeluaran untuk [t]. Perbezaannya ialah [d] adalah plosif dental bersuara. Semasa menghasilkan [d] pita suara digetarkan. Plosif dental bersuara. Semasa menghasilkan [d] pita suara digetarkan. [d] dilambangkan oleh huruf “d”. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra, 1992:42-47; Wang Zeng Yang, 1988:40)

[d] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[d̚et̚ə̥]	[dedu]
<i>dente</i>	<i>dedo</i>
(gigi)	(jari-jari)

5. Plosif Velar Tidak Bersuara [k]

Untuk menghasilkan [k] belakang lidah dinaikkan menyentuh lelangit lembut membentuk satu sekat. Udara dari paru-paru tersekat di belakang lidah dan lelangit lembut dilepaskan secara serta-merta tanpa menggetarkan pita suara. Plosif velar tidak bersuara dapat dilambangkan oleh huruf “c” yang diikuti oleh huruf “a”, “o” dan “u” atau dilambangkan oleh huruf “q” yang diikuti oleh huruf “u” tetapi bunyi [u] tidak dikeluarkan. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra,1992:42-47; Wang Zeng Yang,1988:21)

[k] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[ka]	[tɔki]
cá	toque
(sini)	(saya sentuh-kala kini bersyarat)

6. Plosif Velar Bersuara [g]

Cara pengeluaran untuk [g] adalah sama dengan cara pengeluaran untuk [k]. Perbezaan yang wujud ialah semasa menghasilkan [g] pita suara digetarkan. [g] dilambangkan oleh huruf “g” diikuti oleh huruf “a”, “o” dan “u”. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra,1992:42-47; Wang Zeng Yang,1988:52)

[g] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[galu]	[segar]
galo	cegar
(ayam jantan)	(buta)

4.3.2. Konsonan Sengau

1. Bilabial Nasal [m]

Daerah artikulasi melibatkan dua bibir. Untuk menghasilkan plosif bilabial [m], bibir atas dan bibir bawah dirapatkan. Lelangit lembut diturunkan dan udara dari paru-paru dibiarkan mengalir melalui rongga hidung atau rongga nasal. [m] dilambangkan oleh huruf “m”. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra, 1992:42-47; Wang Zeng Yang, 1988:11)

[m] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata namun di posisi akhir kata [m] digantikan oleh vokal nasal. Contoh:

[malə]	[sumu]	[kō]
<i>mala</i>	<i>sumo</i>	<i>com</i>
(beg)	(jus)	(dengan)

2. Alveolar Nasal [n]

Daerah artikulasi merupakan hujung lidah dan gusi. Untuk menghasilkan [n], hujung lidah menyentuh gusi, lelangit lembut diturunkan menyebabkan udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung. Pita suara digetarkan. [n] biasanya dilambangkan dengan huruf “n”. (Celso Cunha dan Luis F. Lindley Cintra, 1992:42-47; Wang Zeng Yang, 1988:30)

[n] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata namun di posisi akhir kata [n] digantikan oleh vokal nasal. Contoh:

[nevð]	[senadu]	[newtrð]
<i>neve</i>	<i>senado</i>	<i>neutron</i>
(salji)	(senat)	neutron

3. Fonem Lelangit Keras Nasal [ɲ]

Untuk menghasilkan [ɲ], lidah menyentuh lelangit keras, lelangit lembut diturunkan. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga hidung. [ɲ] dilambangkan oleh huruf “nh”. (Celso Cunha dan Luís F.Lindley Cintra,1992:42-47; Wang Zeng Yang,1988:92)

[ɲ] hadir di posisi tengah kata. Contoh:

[viju]
<i>vinho</i>
(arak)

4.3.3. Konsonan Frikatif.

1. Frikatif Dental Tidak Bersuara [s]

Untuk menghasilkan [s], hujung lidah menyentuh gusi. Terdapat satu sempitan wujud di antara hujung lidah dan gusi. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dan menghasilkan geseran dalam sempitan hujung lidah dan gusi. [s] dilambangkan oleh huruf c diikuti oleh “i” dan “e”. Selain itu, /s/ juga dilambangkan oleh huruf “ç” yang diikuti oleh huruf “a”, “o” dan “u”. [s] juga boleh dilambangkan oleh huruf “s” atau “ss”. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra,1992-42-47; Wang Zeng Yang,1988:11)

[s] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[salɑ]	[masɑ̃]	[vɔs]
<i>sala</i>	<i>maçã</i>	<i>voz</i>
(bilik)	(epal)	(suara)

2. Frikatif Dental Bersuara [z]

Untuk menghasilkan [z], hujung lidah mendekati gusi tetapi masih wujud satu sempitan di antara gusi dengan hujung lidah. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dan menghasilkan geseran dalam sempitan hujung lidah dan gusi. Cara pengejutan untuk [z] adalah sama dengan [s]. Perbezaan yang wujud di antara [z] dan [s] ialah semasa mengeluarkan [z] pita suara digetarkan tetapi semasa menghasilkan [s] pita suara tidak digetarkan. [z] ini boleh dilambangkan oleh huruf “s” dan “z”. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra, 1992:42-47; Wang Zeng Yang, 1988:20)

[z] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[zona]	[mezɑ]
<i>zona</i>	<i>mesa</i>
(zon)	(meja)

3. Frikatif Palatal Tidak Bersuara [ʃ]

Untuk menghasilkan [ʃ] lidah dinaikkan mendekati lelangit keras dan membentuk satu sempitan. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dan menghasilkan geseran dalam sempitan tersebut. Pita suara tidak digetarkan. [ʃ] biasanya dilambangkan oleh huruf “s” yang hadir sebelum huruf “t”, huruf “ch” dan huruf “s” yang hadir di hujung sesuatu perkataan.

(Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra,1992:42-47; Wang Zeng Yang,1988:20)

[ʃ] hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh:

[ʃaw]	[iʃtu]	[meʃ]
<i>chão</i>	<i>isto</i>	<i>mês</i>
(lantai)	(ini)	(bulan)

4. Frikatif Palatal Bersuara [ʒ]

Cara pengeluaran untuk [ʒ] adalah sama dengan cara pengeluaran untuk [ʃ]. Perbezaan antara [ʒ] dan [ʃ] ialah [ʒ] adalah konsonan bersuara. Apabila menghasilkan [ʒ] pita suara digetarkan. [ʒ] dilambangkan oleh huruf “j” diikuti oleh huruf “a”, “e”, “i”, “o”, “u” dan huruf “g” yang diikuti oleh huruf “i” dan “e”. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra,1992:42-47; Wang Zeng Yang,1988:63)

[ʒ] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[ʒiru]	[oʒəθ]
<i>giro</i>	<i>hoje</i>
(lucu)	(hari ini)

5. Frikatif Labio-dental Tidak Bersuara [f]

Untuk menghasilkan [f] gigi atas menyentuh bibir bawah. Terdapat satu sempitan di bawah gigi atas dan bibir bawah. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dan menghasilkan geseran tanpa menggetarkan pita suara. [f] dilambangkan oleh huruf “f”. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra,1992:42-47; Wang Zeng Yang,1988:22)

[f] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[fakə]	[kafɛ]
<i>faca</i>	<i>café</i>
(pisau)	(kopi)

6. Frikatif Labio-dental Bersuara [v]

Cara untuk menghasilkan [v] sama dengan cara untuk menghasilkan [f]. Perbezaan antara [f] dan [v] ialah [v] adalah frikatif bersuara yakni pita suara digetarkan semasa menghasilkan [v]. [v] dilambangkan oleh huruf “v”. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra, 1992:42-47; Wang Zeng Yang, 1988:30)

[v] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[vista]	[nevð]
<i>vista</i>	<i>neve</i>
(pemandangan)	(salji)

4.3.4. Konsonan Lateral

1. Lateral [l]

Daerah artikulasi melibatkan hujung lidah dan gusi. Untuk menghasilkan [l], hujung lidah dinaikkan menyentuh gusi menyebabkan udara tersekat. Udara dari paru-paru keluar melalui tepi lidah. [l] dilambangkan oleh huruf “l”.

[l] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[ladu]	[salɑ]
<i>lado</i>	<i>sala</i>
(tepi)	(bilik)

Di posisi akhir kata, [l] digantikan dengan [t]. Perbezaan yang wujud antara [t] dan [l] ialah semasa menghasilkan [t], hujung lidah tidak menyentuh gusi sebaliknya menyentuh bahagian depan lelangit keras. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra, 1992:42-47; Wang Zeng Yang, 1988:10&52)

Contoh:

[futəbɔt]
<i>futebol</i>
(bola sepak)

2. Lateral [λ]

Daerah artikulasi merupakan lidah dan lelangit keras. Untuk menghasilkan [λ] lidah dinaikkan menyentuh lelangit keras, hujung lidah menyentuh gigi bawah membentuk satu sempitan. Udara dari paru-paru keluar melalui tepi lidah itu. [λ] dilambangkan oleh huruf “lh”. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra, 1992:42-47; Wang Zeng Yang, 1988:52)

[λ] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[λe]	[muλer]
<i>lhe</i>	<i>mulher</i>
(dia)	(wanita)

4.3.5. Konsonan Getaran.

1. Getaran Bersuara [r]

Untuk menghasilkan [r], hujung lidah mendekati gusi membentuk satu sempitan apabila udara melalui rongga mulut. Hujung lidah bergetar satu kali sahaja. [r] dilambangkan oleh huruf “r”. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra, 1992:42-47; Wang Zeng Yang, 1988:41)

[r] hadir di posisi tengah kata. Contoh:

[karu]

caro

(mahal)

2. Getaran Uvular [R]

Untuk menghasilkan [R] bahagian lidah mendekati lelangit lembut membentuk satu sempitan. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dan menghasilkan beberapa kali getaran. [R] dilambangkan oleh huruf yang hadir dalam lingkungan awal sesuatu perkataan, hadir selepas huruf “l”, “n”, “s” atau dilambangkan oleh “rr”. (Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra, 1992:42-47; Wang Zeng Yang, 1988:92)

[R] hadir di posisi awal dan tengah kata. Contoh:

[Ratu]

rato

(tikus)

[te̚Ru]

tenru

(lembut)

4.3.6. Rangkap Konsonan

Rangkap konsonan merupakan kehadiran dua konsonan yang berturutan. Rangkap konsonan boleh hadir dalam lingkungan awal dan tengah sesuatu perkataan. Secara lazimnya, rangkap konsonan terdiri daripada satu konsonan dengan l atau r. Kedua-dua konsonan disebut bersama sebagai satu suukata dan tidak boleh diselitkan dengan vokal lain.(Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra,1992:51-52; Wang Zeng Yang,1988:53)Contoh:

claro[klaru](jelas),*clima*[klima](iklim),*cloro*[klɔru](klorin),*club*
[klubð](kelab)

grande[grædð](besar),*grito*[gritu](jeritan),*gruta*[grutɑ](gua),*grosso*[grosu]
(kasar),*grão*[grāw](bijian)

prata[pratɑ](perak),*sempre*[séprð](selalu),*pronto*[prõtu](siap),
prumo[prumu](bijak)

abluir[abluir](cuci)

branco[brāku](putih),*rubro*[Rubru](menyeri)

cravo[kravu](bunga anyelir),*acre*[akrð](pahit)

dragão[dragāw](naga),*vidro*[vidru](kaca)

flor[flor](bunga),*ruflar*[Ruflar](berdebar)

frio[friu](sejuk),*cifra*[sifra](sifar)

globo[globu](sejagat),*aglutinar*[aglutinar](menimbun)

plano[planu](rancangan) *triplo*[triplu](tiga kali ganda)

atlas[atlas](peta)

três[tres](tiga),*atrás*[ətras](di belakang)

livro[livru](buku)

Sebagai rumusan, boleh dikatakan bahawa rangkap konsonan memang wujud dalam BPS dan kehadiran rangkap konsonan agak kerap.